

# Isteri amuk acui suami parang

Metro 10/1/13 MS 15.

■ **Marah pasangan enggan lafaz cerai, serah anak**

Oleh Siti Nor Hidayatidayu Razali  
idayu@hmetro.com.my  
**Kuala Lumpur**



**ZAKARIA**

bergelut dengan isterinya itu bagi mengelak dcederakan.

Sumber berkata, pasangan berkenaan berkahwin hampir dua tahun lalu dan mengalami masalah rumah tangga sejak beberapa bulan lalu hingga menyebabkan wanita terbabit mahu bercerai.

Katanya, wanita itu juga mengugut mahu membunuh diri kerana ingin suaminya dipenjarakan ekoran menghalangnya untuk mengambil anak tunggal mereka, selain tidak mahu

melafazkan cerai.

"Mereka kerap bertengkar menyebabkan wanita itu tertekan sebelum mengambil keputusan meminta cerai dan keluar dari rumah.

"Ketika wanita itu mahu mengambil anak tunggal mereka, dia dihalang suaminya menyebabkan dia berlari ke dapur mengambil parang, gunting dan lesung batu kerana mahu membunuh suami," katanya, semalam.

Sumber berkata, tindakan itu dihalang suaminya sebelum wanita itu berlari ke dapur untuk terjun dari rumah mereka, namun sekali lagi dapat dihalang.

Menurutnya, puas bertengkar, lelaki itu mengambil keputusan keluar dari rumah dan membuat laporan di Balai Polis Wangsa Maju bagi melindungi diri sekiranya terjadi apa-apa kepada isteri dan anak tunggal mereka.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Zakaria Pagan mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian.

**T**idak dapat membawa lari anak lelakinya yang berusia sembilan bulan, seorang isteri mengamuk dengan mengacukan parang, gunting dan mahu menumbuk suaminya dengan lesung batu dalam kejadian di Gombak Setia, Kelantan.

Wanita berusia 29 tahun itu bertindak demikian selepas suaminya tidak mahu menceraikannya ekoran masalah rumah tangga dihadapi mereka sejak beberapa bulan lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 11 pagi itu, mangsa yang berusia 29 tahun terpaksa